

UCAPAN

**BAJET NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM
TAHUN 2016**

INKLUSIF, LESTARI DAN SEJAHTERA UNTUK JOHOR

OLEH:

**YANG AMAT BERHORMAT
DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI BESAR JOHOR**

**PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
BERTARIKH 19 NOVEMBER 2015**

PEMBUKAAN

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

1. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, izinkan saya membentangkan kepada Dewan yang Mulia ini, cadangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2016.
2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana berpeluang untuk sekali lagi membentangkan Bajet bagi negeri Johor.
3. Kita sedia maklum, Bajet adalah pembentangan rancangan pembangunan, pengurusan dan penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun mendatang.
4. Bagi tahun ini, selain menjadi panduan pembangunan dan pengurusan, Bajet Johor 2016 ini telah dirangka dan disusun dengan beberapa keutamaan.
5. Pertama, ia adalah pelan terancang untuk mengangkat kesejahteraan rakyat Johor pada tahap yang lebih baik. Kesejahteraan yang seiring dengan kepesatan pembangunan dan pemodenan yang kita kecapai. Kesejahteraan yang akan menjadikan kita sebuah masyarakat yang lebih baik, bersatu padu, madani dan berbudaya tinggi.

6. Kedua, Bajet 2016 ini adalah manifestasi pengiktirafan Kerajaan Negeri di atas segala kerja keras, pengorbanan dan sokongan rakyat Johor selama ini. Kerja keras dan sokongan yang tidak berbelah bahagi inilah yang telah banyak menyumbang kepada Johor yang semakin membangun, berdaya saing dan sejahtera.
7. Ketiga, Bajet 2016 adalah sebahagian daripada perancangan jangka masa panjang Johor untuk beralih dari sebuah negeri berpendapatan sederhana kepada sebuah ekonomi berkesejahteraan. Dari sebuah ekonomi material yang membangun kepada sebuah kuasa ekonomi yang inklusif, melangkaui unjuran dan perkiraan KDNK semata-mata.
8. Dan keempat, Bajet 2016 adalah landasan menyerlahkan lagi budaya muafakat Johor. Kemuafakatan yang mengizinkan kebersamaan dalam perbezaan pada tahap tertinggi. Agar kesepaduan erat masyarakat Johor yang majmuk ini, menjadi kekuatan yang mampu melonjak pembangunan negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI MALAYSIA

9. Sebelum saya pergi lebih jauh, izinkan saya merumuskan secara ringkas prestasi dan kedudukan semasa ekonomi Malaysia. Ia penting bagi menggambarkan prestasi sebenar ekonomi negara. Suka saya memaklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia berada di landasan yang kukuh meskipun

terpaksa menghadapi tekanan luar yang lebih mencabar seperti kejatuhan harga komoditi dan penyusutan nilai ringgit.

Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

10. Sepanjang separuh pertama tahun ini, ekonomi negara bertumbuh pada kadar 5.3 peratus. Manakala bagi keseluruhan tahun 2015, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka pada kadar 4.5 hingga 5.5 peratus. Ini adalah prestasi yang meyakinkan, kerana ekonomi dunia tahun ini dijangka hanya berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 3.1 peratus.

11. Sebagai sebuah ekonomi yang global dan terbuka, Malaysia pasti menerima tempias dan terdedah dengan naik turun ekonomi dunia. Pelbagai usaha bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara telah diperkenalkan dan mula menampakkan hasil meskipun dihimpit dengan kejatuhan harga minyak dunia serta ketidaktentuan ekonomi global.

Daya Saing Malaysia

12. Malah Malaysia terus berjaya meningkatkan kebolehsaingan globalnya dan berada pada kedudukan 14 sebagai ekonomi paling kompetitif di dunia pada tahun 2014.

Jangkaan Pertumbuhan KDNK Malaysia

13. Justeru itu, perkembangan KDNK negara dijangka bertumbuh pada kadar 4.0 hingga 5.0 peratus pada tahun 2016 dan akan terus dipacu oleh pelaburan langsung asing dan domestik.

PRESTASI DAN KEDUDUKAN EKONOMI JOHOR

14. Bagi negeri Johor, sukacita saya memaklumkan bahawa pertumbuhan kita pada kadar 6.5 peratus pada tahun 2014 adalah melebihi kadar nasional iaitu 6.0 peratus. Kadar pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada unjuran awal iaitu pada sekitar 6.1 peratus.

Pertumbuhan KDNK Johor

15. Menyedari persekitaran yang lebih mencabar pada tahun ini, KDNK Johor dijangka bertumbuh sekitar 4.5%-5.5% pada tahun 2015 dan 2016. Unjuran ini diasaskan pada *trend* kemasukan pelaburan asing dan domestik yang tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Pencapaian Pelaburan

16. Statistik terkini berkaitan pelaburan di Johor menunjukkan pencapaian yang sangat baik. Bagi jumlah pelaburan keseluruhan, Johor sekali lagi mencatatkan nilai pelaburan tertinggi di peringkat nasional iaitu sebanyak RM30 bilion

sehingga September 2015. Ini sekaligus jauh meninggalkan beberapa buah negeri lain di Malaysia.

17. Kerjasama erat Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan sinergi yang sangat positif dan membolehkan momentum pelaburan yang diterima bukan sahaja konsisten, malah dipertingkatkan dengan signifikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

18. Semua pencapaian ini membuktikan satu perkara. Bahawa wujudnya keyakinan yang sangat tinggi oleh sektor perniagaan terhadap masa depan Johor. Keyakinan untuk hadir, bertapak, melabur dan melebarkan operasi mereka di Johor.
19. Keyakinan ini terserlah kerana pentadbiran Kerajaan Negeri Johor senantiasa berusaha memastikan segala perancangan ekonomi dan pembangunan negeri dirancang dengan rapi, lestari dan strategik. Kita sangat serius dalam mewujudkan sistem governan yang diyakini dan berwibawa.
20. Namun, adalah satu kesilapan besar jika semua petanda positif ini meleakakan dan menyebabkan kita berfikir, bahawa segala tugas dan cabaran besar kita sudah berjaya kita selesaikan dan tangani.

21. Lihat sahaja persekitaran global. Bagaimana krisis ekonomi boleh menerjah bila-bila waktu. Dan kita pasti akan terkesan. Pembangunan dan ekonomi kita akan menjadi rentan. Bukan kerana kita tidak bersiap siaga. Tetapi kerana kita telah menjadi sebahagian dari sistem ekonomi global.
22. Apa yang berlaku di China, Jepun, Amerika Syarikat, India serta Eropah pasti akan mendatangkan kesan pada kita. Maka, kita harus mengurus ekonomi dengan bertanggungjawab dan melihatnya dari perspektif yang pragmatik. Melihat dengan kesedaran bahawa risiko ekonomi global adalah suatu realiti. Lebih-lebih lagi dalam kedudukan ringgit pada masa kini yang tidak begitu kukuh.
23. Justeru, strategi kita dalam Bajet 2016 ialah mengurangkan segala perbelanjaan yang tidak perlu, meminimumkan pinjaman, meningkatkan pelaburan, melonjak produktiviti dan memodenkan sistem penyampaian Kerajaan. Kita sangat bersungguh-sungguh melakukan perubahan ini.
24. Kita akan terus melabur untuk meningkatkan kemahiran rakyat. Khususnya kemahiran sendiri dan berfikir secara kritikal. Kita mesti memantapkan dan melebarkan sistem kebajikan kita.
25. Kita akan memperbaiki keadaan dan jaringan jalanraya, memastikan setiap desa terhubung dengan jalur lebar, membantu rakyat Johor untuk bekerja dengan lebih produktif, meluangkan lebih banyak masa untuk keluarga dan

masyarakat dan menjalani kehidupan yang lebih bermutu dan sejahtera.

26. Kerana itu Bajet 2016 dirangka untuk menterjemahkan aspirasi besar ini. **Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

PERUNTUKAN BAJET 2016 DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI JOHOR

Anggaran Kutipan Hasil

27. Hasil Kerajaan Negeri untuk tahun 2015 telah mencapai anggaran asal dalam Bajet 2015. Kutipan hasil setakat 17 November 2015 telah mencapai RM1,345.08 juta atau 108.54% daripada anggaran asal. Bagi tahun 2016 pula, kutipan hasil negeri dianggarkan naik sebanyak 15.04% iatu berjumlah RM1,425.66 juta.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

28. Perbelanjaan mengurus pula dianggarkan RM1,424.11 juta dengan sejumlah RM520.00 juta caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Baki RM904.11 juta akan diperuntukkan bagi tujuan Perbelanjaan Mengurus untuk Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan jabatan-jabatan kerajaan.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

29. Berdasarkan angka ini, anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2016 dipertingkatkan ke RM541.10 juta iaitu kenaikan daripada RM366.20 juta atau bersamaan 47.76% penokokan daripada tahun 2015. Jumlah ini adalah yang tertinggi dalam sejarah Bajet Negeri Johor.

Pecahan Perbelanjaan Pembangunan

30. Berdasarkan jumlah ini, Pejabat Menteri Besar Johor diperuntukkan RM155 juta untuk projek dan program pembangunan fizikal, sosial dan projek berkepentingan awam lain. Sebanyak RM213 juta pula untuk projek dan program ekonomi. Sejumlah RM95.1 juta peruntukan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan pentadbiran manakala RM45 juta pula adalah peruntukan untuk Pembangunan Agama Islam. Sebanyak RM33 juta dikhaskan untuk projek-projek pengairan dan saliran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

ENAM TERAS BAJET 2016

31. Bajet ini dipasak pada enam teras yang akan menjadi keutamaan perancangan pembangunan inklusif Kerajaan Negeri. Setiap teras ini akan disokong dengan pelbagai Agenda Besar, titik sentuhan dan inisiatif yang sesuai, inovatif dan perlu bagi menjayakannya.

TERAS PERTAMA: MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

32. Segala kemajuan dan pemodenan ekonomi Johor tidak akan bermakna sekiranya rakyat Johor masih sukar untuk mendapatkan kediaman yang selesa. Maka, perumahan terus menjadi agenda keutamaan Kerajaan Negeri.
33. Dasar kita jelas, semua penduduk Johor mesti mempunyai tempat berlindung yang baik. Namun ia bukan sekadar sebuah kediaman. Ia adalah sebuah Projek Kehidupan. Rumah adalah tempat hidup untuk memupuk nilai yang mulia, ruang untuk pembelajaran yang selesa bagi anak-anak dan medan untuk keluarga membina kehidupan sakinah.
34. Maka fokus dan strategi perumahan pada tahun 2016 ialah meneruskan pembinaan rumah mampu milik dengan lebih banyak, membantu membaik pulih rumah yang uzur, menyediakan kemudahan skim pembiayaan serta memantapkan sistem permohonan agar lebih telus.

Rumah Mampu Milik Johor

35. Selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang menggalakkan orang Melayu tinggal di bandar, proses pengambil alihan tanah untuk dijadikan tapak perumahan Bumiputera dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di bandar-bandar Johor akan dilaksanakan secara besar-besaran. Pelaksanaan dasar ini melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta.

Skim Subsidi Pembinaan / Pembaikan Rumah

36. Selain membina lebih banyak rumah mampu milik, satu program inovatif, Rumah Mesra Rakyat Johor akan dilaksanakan. Program ini bertujuan memberi subsidi bagi membantu mereka yang berhasrat membina dan menambah baik kediaman di atas tanah milik sendiri.
37. Untuk melaksanakan inisiatif ini, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) akan dilantik menjadi kontraktor yang bertanggungjawab. Di bawah program tersebut, subsidi RM20 juta akan diberikan melalui 3 skim bantuan berdasarkan harga dan keluasan rumah. Iaitu;
- a. Bantuan RM10,000 bagi rumah berharga RM64,000 seunit,
 - b. Bantuan RM12,500 bagi rumah berharga RM72,500 seunit, dan
 - c. Bantuan RM15,000 bagi rumah berharga RM85,000 seunit.
38. Sebelum ini, di pelbagai forum dan kesempatan, saya telah memaklumkan sasaran untuk membina 46 ribu unit rumah menjelang tahun 2018. Saya dengan sukacitanya pada hari ini mengumumkan, penambahan sebanyak 14 ribu unit lagi, menjadikan jumlah sasaran kita adalah 60 ribu unit, menjelang 2019.

39. Pelaksanaan komitmen dan sasaran tersebut, sebahagiannya akan dilaksanakan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) berdasarkan pecahan berikut:
- a. KPRJ akan membina 1,083 unit secara keseluruhan yang melibatkan pembinaan 260 unit di Kg. Melayu Pandan dan 280 unit di Desa Larkin di Johor Bahru, 493 unit di Kulai dan 50 unit di Kota Tinggi,
 - b. YPJH akan membina 1179 unit di Pengerang,
 - c. Manakala anak syarikat JCorp, Johor Land Sdn Bhd, akan membina 156 unit di Kg. Londang Batu, Mersing, 500 unit di Bandar Dato' Onn dan 400 unit di Bandar Baru Majidee,
 - d. PIJH akan membina 1035 unit keseluruhannya yang dipecahkan kepada 121 unit di Larkin, 333 unit di Stulang Baru, 71 unit di Jalan Datin Halimah, 60 unit di Jalan Muafakat Uda, 106 unit di Teluk Jawa dan 344 unit di Bukit Mambai Labis, dan
 - e. KEJORA akan membina 127 unit rumah di Perumahan Tersusun Kampung Paya, Layang-Layang, 78 unit di Kampung Tuan Seh dan 486 unit di Taman Penawar Harmoni di Bandar Penawar.

Perumahan Islam

40. Selain itu, 3 Taman Perbadanan Islam baharu di Pasir Gudang, Muar dan Stulang Baru akan diwujudkan, masing-masing dengan sasaran 600 unit, 400 unit dan 330 unit rumah kediaman.

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

41. Bagi membantu pemilikan rumah oleh penjawat awam pula, YPJH akan membina sebanyak 1,194 unit Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi dan Pengerang. Semoga melalui ikhtiar ini, hasrat penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah idaman mereka akan tercapai.

Projek Perumahan Rakyat (PPR)

42. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana komitmen yang berterusan dalam menjayakan Projek Perumahan Rakyat di Negeri Johor. Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang baharu untuk 2016 adalah di kawasan Bandar Tenggara yang melibatkan sebanyak 500 unit dengan kos berjumlah RM 65 juta.
43. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri agar Kerajaan Persekutuan memberikan pertimbangan sewajarnya pada tahun hadapan, untuk projek perumahan ini dilebarkan lagi di beberapa kawasan yang mempunyai keperluan mendesak seperti Larkin dan Masai di Johor Bahru serta di Mersing.
44. Membina rumah yang lebih banyak tidak bermakna yang tanggungjawab kita telah selesai. Malah ia hanya sebahagian dari penyelesaian. Ramai yang masih tidak boleh memiliki

rumah yang kita bina kerana kesukaran mendapat pembiayaan. Kerajaan Negeri memahami masalah ini. Kerajaan Negeri mengerti betapa sukarnya mendapat pembiayaan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah.

Skim Pembiayaan Rumah

45. Bagi membolehkan lebih ramai berupaya memiliki rumah sendiri pada 2016, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan satu Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor yang akan diusahakan secara bersama dengan AmBank Islamic Berhad. Kerajaan Negeri bersama pihak AmBank Islamic Berhad akan menyediakan dana berjumlah RM300 juta bagi memastikan lebih ramai golongan sasar memperolehi pinjaman perumahan. Langkah inovatif ini membuktikan betapa seriusnya kita untuk menjadikan kehidupan rakyat Johor lebih baik, lebih sejahtera dan lebih bermaruah.

Sistem Permohonan RMMJ

46. Bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengagihan, penambahbaikan sistem agihan juga akan turut dilakukan. Mulai tahun hadapan, pendaftaran dan permohonan RMMJ hanya perlu dibuat di atas talian di www.erumah.johor.gov.my. Manakala dokumen sokongan pula hanya perlu dikemukakan setelah pemohon menerima tawaran.

Perumahan Asnaf

47. Bagi memastikan golongan asnaf terbelah dan mendapat kemudahan asas, Skim Bantuan Zakat bagi maksud perumahan asnaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) akan terus dilaksanakan. Ia akan dibangunkan secara bersepadu, dan menjadi perkampungan asnaf dengan kemudahan seperti surau, gerai perniagaan dan taman permainan.

48. Peruntukan keseluruhan untuk projek ini adalah sebanyak RM 27 juta dan akan dilaksanakan seperti berikut:
 - a. Pembinaan 250 unit rumah baharu.
 - b. Pembaikpulihan 100 unit rumah sedia ada.
 - c. Program Rumah Transit secara sewa beli dan pembinaan unit baharu di 3 lokasi iaitu Tapak Perumahan PPR Bukit Kepong sebanyak 32 unit, di Mukim Gemerih, Segamat sebanyak 20 unit dan Pungai, Kota Tinggi sebanyak 20 unit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Dasar Johor Prihatin

49. Memberi kesejahteraan tidak memadai sekadar memastikan rakyat mempunyai pendapatan yang mencukupi demi menikmati kehidupan yang lebih baik. Saya rasa, sudah tiba masanya kita mempunyai dasar yang jelas tentang kebajikan masyarakat kita.

50. Bukan sekadar inisiatif yang seakan melepaskan batuk di tangga dengan mengumumkan peruntukan yang bersifat 'asal ada'. Benar, kita bukan sebuah negara berkebakikan, tetapi kita mestilah menjadi masyarakat yang berkebakikan.
51. Justeru, Agenda Besar yang kedua di bawah Teras Pertama ini adalah dasar **Johor Prihatin**.
52. Melalui Johor Prihatin, hasrat kita ialah memberikan perlindungan yang sebenar-benarnya kepada seluruh penduduk Johor. Perlindungan yang mewujudkan rasa selamat, rasa dilindungi dan rasa kemanusiaan yang mendalam. Perlindungan yang menyerlahkan sifat ihsan dan nilai insan.
53. Johor Prihatin akan menyantuni mereka yang tidak bernasib baik. Mereka yang kekurangan, terpinggir dan tersasar - *the least, the last and the lost* (dengan izin).
54. Johor Prihatin adalah pendekatan kita untuk menyuburkan sisi insani yang tulus dalam segala kemaslahatan yang timbul dek laba materialisme yang kita kaut selama ini.
55. Saya percaya, sebagai bangsa yang bertamadun dan maju, sistem sosial kita harus memastikan setiap ruang adalah peluang, setiap entiti adalah bererti dan setiap bahagian punya peranan. Inilah yang akan kita lakukan melalui Johor Prihatin – pemusatan tenaga dan fokus ke arah Johor yang lebih berkebakikan, Johor yang lebih berperikemanusiaan.

56. Kita tidak mahu sekadar mempamerkan simpati bermusim. Tetapi mewujudkan sistem sokongan untuk kemandirian. Agar:

- a. Yang tua boleh melalui sisa usia dengan produktif.
- b. Yang berkelainan upaya diberikan kemahiran untuk membina kehidupan bermaruah.
- c. Yang miskin dihakupayakan.
- d. Yang terjerumus di lembah hina, diangkat dengan ihsan untuk kembali pulang ke jalan yang benar dan lurus.
- e. Yang menjadi ibu tunggal diberikan keupayaan untuk berdikari.
- f. Yang pernah tersilap langkah, diberikan kemaafan untuk kembali menjadi baik dan berguna; dan
- g. Yang bergelandangan, akan dipimpin untuk punya tempat berlindung.

Pekerjaan OKU

57. Maka, sebagai permulaan, kita akan membuka peluang pekerjaan kepada golongan berkelainan upaya di setiap PBT. Melalui inisiatif ini, setiap PBT diwajibkan menerima penempatan minimum 2 orang pekerja berkelainan upaya mengikut kelayakan.

Sukan OKU

58. Kita juga akan menubuhkan Sekretariat Sukan OKU khusus bagi memberi fokus kepada latihan dan pembangunan atlit di kalangan golongan berkelainan upaya dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu.

Kebajikan OKU

59. Bagi menyantuni golongan yang uzur dan mempunyai keilatan kekal, satu Program *Home Help Service* dengan peruntukan RM162 ribu akan dilaksanakan. *InsyAllah*, ia bakal memanafaat 448 penerima termasuklah sekumpulan warga emas.

Pusat Aktiviti Warga Emas

60. Meniti hari tua yang bemarkuah adalah dambaan setiap seorang dari kita. Untuk membantu golongan warga emas menjadi lebih produktif, 2 buah lagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) masing-masing di Pontian dan Kota Tinggi akan diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM300 ribu. Ini sekaligus menjadikan jumlah PAWE di Johor bertambah kepada 8 buah.

Pusat Kebajikan Warga Emas

61. Selain itu, Kerajaan Negeri bersetuju membina Pusat Jagaan Orang-orang Tua yang baharu di Taman Perling melalui peruntukan MAINJ sebanyak RM10 juta.

Infrastruktur Kebajikan

62. Bagi memperkasakan fungsi dan operasi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kompleks Penyayang berharga RM50 juta akan dibina di Kempas dengan peruntukan awal oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.8 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

63. Kita gelar tanahair ini ibu pertiwi. Jadi, mana mungkin dalam agenda pembangunannya, kita meminggirkan kaum ibu.

Agenda Wanita

64. Mengiktiraf peri pentingnya peranan golongan wanita, sebanyak RM250 ribu akan diperuntukkan untuk menjalankan 2 inisiatif berikut:

- a. Pertama: Penyediaan kursus kemahiran melibatkan 1000 orang wanita golongan berpendapatan rendah; dan
- b. Kedua: Bantuan peralatan kepada 50 wanita bagi menggalakkan mereka memulakan perniagaan.

65. Manakala, melalui program-program Kerajaan Persekutuan pula, penghapayaan wanita akan ditumpukan kepada 3 bidang utama iaitu:

- a. Pembangunan usahawan wanita,
- b. Peningkatan kemahiran, dan
- c. Kepimpinan wanita.

Pembangunan Keluarga Bukan Islam

66. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan agenda pembangunan Johor akan memanfaatkan semua pihak. Justeru, pembangunan keluarga bukan Islam tidak sesekali diabaikan. Melalui satu inisiatif khas, iaitu Program Kasih, sebanyak RM100 ribu akan diperuntukkan di bawah YPKDT untuk manfaat 1,500 orang peserta.

Masyarakat India

67. Program Inklusif Masyarakat India yang diumumkan tahun lalu akan digandakan pada tahun hadapan. Kali ini, sebanyak RM6 juta peruntukan diberikan, iaitu peningkatan sebanyak 50 % atau RM2 juta berbanding tahun lalu. Peruntukan khas ini adalah untuk membiayai ikhtiar-ikhtiar berikut:

- a. RM1.5 juta bagi aktiviti kebajikan,
- b. RM2 juta bagi program keusahawanan,
- c. RM1 juta bagi tujuan baik pulih SJK Tamil, dan
- d. RM1.5 juta bagi tujuan pendidikan.

Sekolah Cina

68. Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina di Johor pula akan diperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi tujuan baik pulih prasarana.

Kesukarelawanan

69. Selari dengan nilai dan citra masyarakat yang maju dan bertamadun, yang memandang masyarakat sekelilingnya dengan pandangan ihsan, maka sebanyak RM2 juta lagi pula akan diperuntukkan bagi merencanakan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dalam masyarakat.
70. Melalui Program *Johor Future* pula, aktiviti kesukarelawan ini akan disebarluas sehingga ke peringkat DUN. Ia mensasarkan golongan pelajar sekolah menengah yang akan menamatkan persekolahan melalui penganjuran pelbagai aktiviti fizikal dan riadah yang menarik. Malah, program ini akan turut memberi pendedahan tentang kerjaya dan pelbagai inisiatif Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, program ini diperuntukkan sebanyak RM488 ribu.

Gerakan NGO

71. Pergerakan sivil yang aktif dan progresif adalah rakan Kerajaan dalam menghakupayakan rakyat. Menghargai peranan besar mereka, Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan geran berjumlah RM3 juta bagi menggerakkan pelbagai NGO di Johor dengan lebih aktif.

Perkhidmatan Bas Percuma

72. Salah satu aspek penting kesejahteraan masyarakat adalah sistem pengangkutan awam yang baik. Pergilah ke mana-mana negara maju, sistem pengangkutan awam mereka bukan sahaja moden, tetapi sangat murah dan menyenangkan. Pada tahun 2016, kita akan memperluaskan pengangkutan awam di pelbagai peringkat.

73. Misalnya, Perkhidmatan Bas Percuma Johor Di Hatiku akan dilebarkan jaringannya dengan kerjasama 4 PBT iaitu MBBJ, MPPG, MPJBT dan MPKu. Kesemua PBT tersebut akan bersama-sama membiayainya dengan kos sebanyak RM11 juta.

Penambahan Perkhidmatan Bas

74. Menyedari kesulitan pergerakan di sesetengah kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas awam, inisiatif pengangkutan awam di bawah jenama Trans-Johor akan ditambah dan diperluaskan. Tahun hadapan, sebanyak 10 laluan baharu akan ditambah bagi menghubungkan pelbagai desa dan bandar di 7 daerah, iaitu Mersing, Segamat, Kota Tinggi, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kluang. Perkhidmatan ini akan diuruskan oleh anak syarikat JCorp iaitu Syarikat Pengangkutan Maju Berhad.

Infrastruktur Awam - Dewan Muafakat Johor

75. Bagi memudah dan merancakkan aktiviti kemuafakatan rakyat pelbagai bangsa, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersetuju membina sebanyak 23 buah Dewan Muafakat Johor. Kesemua dewan ini akan segera dibina oleh PBT dengan kos keseluruhan berjumlah RM70 juta. Misalnya, pembinaan Dewan Muafakat Johor di Taman Pulai Utama, Skudai berharga RM10.5 juta, Dewan Muafakat Johor di Majlis Perbandaran Batu Pahat berharga RM13 juta serta Dewan Muafakat Johor di Majlis Daerah Yong Peng berharga RM4.5 juta.

Infrastruktur Awam - Free Wifi

76. Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan jaringan maklumat yang pantas. Oleh yang demikian, Program *Johor Free Wifi* akan diterus dan diperluaskan dengan cakupan 135 *hotspot* di dalam 16 PBT. Inisiatif ini akan menelan belanja sebanyak RM4.4 juta bagi tujuan membina, menaiktaraf dan menyelenggara perkhidmatan berkaitan.

Infrastruktur Awam - Program Air Percuma

77. Menyalurkan keperluan asas seperti air amatlah penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan Negeri dengan sukacitanya mengumumkan yang Program Air Percuma melalui Syarikat Air Johor (SAJ) sebanyak 25 meter

padu kepada golongan sasar seluruh Johor akan diterus dan diperluaskan. Ia melibatkan penerima dalam senarai E-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Program Air Percuma ini menelan belanja RM3 juta dan mensasarkan manfaatnya kepada kira-kira 5,000 penduduk.

Infrastruktur Awam – Projek Bekalan Air

78. Untuk meningkatkan prasarana bekalan air, beberapa projek utama bekalan air negeri Johor akan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Antaranya ialah pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) di Buluh Kasap (Segamat); Pagoh (Muar) dan Kahang (Kluang). Pada waktu yang sama, penggantian paip lama di sekitar Johor akan turut dilaksanakan. Kesemua ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM430 juta.
79. Untuk perancangan sistem bekalan air yang lebih terencana, BAKAJ akan diberikan peruntukan bagi menjalankan Kajian Bekalan Air yang mapan. Fokus kajian ini ialah tentang kaedah pengawalan bekalan serta pelaksanaan zon penampungan di kawasan tadahan air.
80. Manakala Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, telah memperuntukkan RM57 juta bagi pembangunan sumber air negeri Johor melalui RMK-11. Peruntukan ini merangkumi Kajian Kemungkinan bagi Pembangunan Sumber Air ke Iskandar Malaysia dan di Lembangan Sungai Muar; Kajian Kemungkinan dan Impak Alam Sekitar bagi pembinaan

Empangan Mersing, dan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan baraj serta empangan dan menaiktaraf empangan.

81. Kesemua inisiatif ini, bertujuan mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air di Negeri Johor dan mengatasi pelbagai masalah bekalan air yang melanda kita termasuklah di Pasir Gudang dan Pengerang.
82. Malah, pada kesempatan ini, saya menyeru dan menggesa pihak-pihak berkepakaran seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk turut bersama-sama tampil menawarkan cadangan dan penyelesaian bagi permasalahan ini. Kita mahu universiti berperanan lebih besar dalam membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan pelbagai masalah pembangunan di lapangan melalui pelbagai teknologi baharu.

Infrastruktur Awam – Jalan raya

83. Johor yang membangun mestilah Johor yang terhubung dengan baik melalui prasarana jalan rayanya. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan membina 150 km rangkaian jalan kampung baharu dan menaik taraf jalan kampung yang sempit sepanjang 70 km. 70% daripada tumpuan projek akan melibatkan kawasan seperti Pontian, Batu Pahat, Muar dan Ledang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM50 juta.

84. Selain daripada itu, sekali lagi, seperti tahun 2015, sejumlah RM600 juta akan diperuntukkan bagi penyelenggaraan rangkaian jalan-jalan negeri di Johor.

Penempatan Setinggalan

85. Menyelesaikan masalah setinggalan turut menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan setinggalan yang boleh dikurniakan hakmilik melalui Jawatankuasa *Taskforce* Perumahan Negeri Johor yang telah ditubuhkan di setiap daerah. Rentetan itu, 3 inisiatif berikut akan dijalankan pada tahun hadapan:

- a. Pertama: Mengeluarkan senarai nama kampung dan kawasan setinggalan yang bakal memperoleh hakmilik tanah.
- b. Kedua: Susulan proses pengambilan tanah di Kem Tebrau yang sedang berjalan, isu pemilikan lebih kurang 136 penduduk Kg. Desa Perwira, yang melibatkan kawasan seluas 30 ekar akan dapat diselesaikan.
- c. Ketiga: Meluluskan permohonan oleh 4,560 pemohon yang terdiri daripada 4,213 pemohon tanah pertanian dan 347 pemohon tapak bangunan kediaman atau rumah kedai. Kelulusan permohonan ini melibatkan pemberian 23 kawasan dengan keluasan 5540 ekar tanah pertanian dan 20 ekar tapak rumah kediaman dan kedai. Antara kawasan-kawasan tersebut adalah:
 - i. Kulai, yang melibatkan Kampung Bukit Ibol,

- ii. Kluang, yang melibatkan Jalan Padang Tembak,
- iii. Labis, yang melibatkan Tanah Umum Bekok, dan
- iv. Kota Tinggi , yang melibatkan Mukim Ulu Sungai Johor (Kampung Sri Aman & Kawasan Ulu Tebrau), Mukim Sedili Besar (Kampung Gemereh).

Institusi Awam – Mahkamah Rendah Syariah

86. Pengukuhan institusi dan badan awam amat penting kepada sistem tatakelola yang moden dan maju. Bagi menzahirkan komitmen tersebut, Kerajaan Negeri akan membina Mahkamah Rendah Syariah Kluang dan membaikpulih Mahkamah Syariah Muar. Kedua-dua inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM33.8 juta.

Institusi Awam – Pejabat Daerah Baharu

87. Kerajaan Negeri juga bersetuju membina Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah baharu di Kluang berharga RM18 juta dan Kulai berharga RM60 juta melalui kaedah penswastaan.
88. Projek di Kulai akan melibatkan beberapa komponen seperti Bangunan Pentadbiran, Dewan Serbaguna, Dataran Awam dan Masjid yang boleh menampung seramai 1,500 jemaah pada satu-satu masa.
89. Pembinaan Pusat Pentadbiran Daerah Ledang yang baharu di Tangkak juga telah dicadangkan untuk dibina atas tanah milik Kerajaan Negeri seluas 4 ekar dengan kos

pembangunan sebanyak RM 48 juta.

Pusat Dokumentasi Johor

90. Warisan Johor amatlah berharga dan mesti dipelihara agar menjadi khazanah yang boleh dipelajari dan diteladani zaman-berzaman. Bagi tujuan itu, Pusat Dokumentasi Johor akan ditubuhkan untuk menyimpan penulisan-penulisan yang mempunyai nilai sejarah dan warisan berkaitan Negeri Johor. Ia akan diselia oleh Yayasan Warisan Johor bersama-sama dengan Persatuan Penulis Johor dengan peruntukan RM200 ribu.
91. Pusat ini akan berfungsi seperti arkib dan menjadi pusat rujukan utama berkenaan pelbagai sejarah dan warisan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Skim Elaun Insentif Khas

92. Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional Tetap Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang selama ini banyak berkorban dan bekerja keras menjayakan segala agenda pembangunan Kerajaan Negeri. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memberikan ganjaran setimpal kepada bakat terbaik dalam kalangan penjawat awam.

93. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan bagi kenaikan pangkat dan imbuhan gaji sesetengah Kumpulan Pengurusan dan Profesional Tetap Perkhidmatan Awam Negeri Johor kerana skim kenaikan pangkat yang sedia ada kurang anjal dan terhad. Akhirnya ramai anggota pegawai yang tidak menikmati imbuhan dan faedah yang selayaknya.
94. Perkara ini mesti diselesaikan jika kita inginkan perkhidmatan awam yang berwibawa. Kerajaan Negeri bersetuju memberikan elaun insentif khas kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional Tetap Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang tidak diberi kemudahan kenaikan pangkat secara *time based* (dengan izin). Ia melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1,911,700 setahun dan ia berkuatkuasa 1 Januari tahun hadapan.
95. Kemudahan ini akan diberikan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Tetap Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang berjawatan tetap dan telah berkhidmat melebihi lapan tahun ke atas. Elaun insentif khas tersebut juga akan dipanjangkan kepada pihak berkuasa tempatan dan Badan-badan Berkanun Negeri tertakluk kepada kemampuan kewangan dan amalan masing-masing.
96. Pada dasarnya Kerajaan Negeri juga bersetuju dengan cadangan Bajet Persekutuan untuk memberikan bayaran khas RM500 kepada semua penjawat awam negeri. Kerajaan Negeri juga bersetuju memanjangkan pelaksanaan pemberian satu insentif pergerakan gaji kepada semua penjawat awam

pada tahun 2016 tertakluk kepada garis panduan dan pekeliling yang akan diselaraskan dengan Kerajaan Persekutuan.

Institusi Awam – Hospital

97. Kemudahan kesihatan yang cekap, murah dan bermutu amat penting kepada masyarakat. Malah ia adalah keperluan asas yang tidak boleh dikompromi. Bagi menambah baik kemudahan kesihatan di Johor, 3 projek pembangunan penting akan dilaksanakan:
- a. Pertama: Membina satu Hospital Awam di Pasir Gudang berharga RM 500 juta dan satu Hospital Pakar KPJ di Sri Gading berharga RM 60 juta,
 - b. Kedua: Menaiktaraf Hospital Segamat (Fasa 1) dengan kos keseluruhan berjumlah RM50 juta; dan
 - c. Ketiga: Membina Klinik Pergigian di Kluang dengan kos RM4.7 juta dan menambah 3 buah lagi Klinik 1Malaysia dengan peruntukan RM600 ribu.

Kebajikan Orang Asli

98. Bagi golongan orang asal yang telah menerima risalah Islam, keselesaan dalam amalan ibadah mereka sangat diberi perhatian. Justeru, peruntukan oleh MAINJ sebanyak RM5.5 juta akan diberikan untuk pembinaan dan naik taraf surau-surau serta balai Islam di 17 buah Perkampungan Orang Asli. Antaranya di Kampung Orang Asli Teluk Jawa, Kampung Orang Asli Temon, dan Kampung Orang Asli Kuala Masai.

Kebajikan Muallaf

99. Untuk menyantuni keperluan saudara baharu atau golongan muallaf pula, sebuah bangunan yang dikenali sebagai Darul Ukhwah di Taman Mutiara Rini, Johor Bahru akan dibina. Ia akan berfungsi sebagai institut latihan dan dakwah risalah Islam, melibatkan peruntukan MAINJ sebanyak RM20 juta.

Institusi Awam – Stadium

100. Untuk terus membangunkan bidang sukan, Kerajaan Negeri akan menyediakan tanah untuk dipajakkan bagi pembinaan sebuah stadium bola sepak di Nusajaya. Ia akan merangkumi komponen seperti stadium yang berkapasiti antara 40 hingga 45 ribu penonton, ruang-ruang perniagaan serta kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEDUA: MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI JOHOR

101. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dan stabil adalah prasyarat utama jika Johor ingin muncul sebagai kuasa ekonomi baharu Malaysia. Segala perancangan pembangunan mestilah difokuskan untuk mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan, telus dan inovatif bagi menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara untuk datang dan memulakan perniagaan di Johor.

102. Hanya dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, pekerjaan dapat diwujudkan, pendapatan isi rumah dapat dipertingkatkan, kualiti kehidupan menjadi semakin baik dan rakyat Johor menjadi lebih sejahtera.

103. Bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi Johor pada tahun 2016, terdapat 5 Agenda Besar yang baharu akan kita ketengahkan.

Pertama - Pelan Pertumbuhan Strategik Ekonomi Johor

104. Pelan ini dirangka dengan tujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Johor merentas wilayah dan daerah. Ia adalah strategi untuk membongkar setiap potensi ekonomi di seluruh pelusuk Johor. Pelan ini memastikan pembangunan ekonomi kita tidak dilakukan secara semberono dan ikut-ikutan. Sebaliknya dilaksanakan berpandukan perancangan yang strategik, sesuai potensi setempat. Kesemuanya bertujuan agar seluruh bahagian dan daerah di Johor membangun dan berdaya saing.

105. Maka, saya mengambil kesempatan ini mengumumkan pelaksanaan **Pelan Pertumbuhan Strategik Johor**, bermula Januari 2016.

106. Pelan ini akan melakar visi strategik dan komprehensif pembangunan di Negeri Johor secara keseluruhan. Di bawah pelan yang melibatkan peruntukan RM3 juta ini, setiap daerah di Johor akan dibangunkan mengikut kekuatan setempat dan lapangan kebitaraannya (*niche area*).

laitu:

- a. Johor Bahru – Pembuatan dan Perdagangan Antarabangsa,
- b. Mersing – Pelancongan dan Perikanan,
- c. Kluang – Eko-pelancongan dan Pertanian,
- d. Kulai – Informasi dan Teknologi Komunikasi,
- e. Pontian – Eko-pelancongan dan Perikanan,
- f. Kota Tinggi – Pelancongan, Pertanian serta Minyak & Gas,
- g. Batu Pahat – Pembuatan dan Pemprosesan,
- h. Muar – Hab Pendidikan dan Kemahiran,
- i. Ledang – Pelancongan dan Pembuatan Ringan, dan
- j. Segamat – Pertanian.

107. Harapan kita, melalui pembangunan dan pertumbuhan terancang seperti ini, kita akan mampu melonjakkan Johor sebagai kuasa ekonomi baharu Malaysia.

Kedua - Waqf Sebagai Instrumen Baharu Ekonomi, Pendidikan dan Kebajikan

108. Peranan dan kapasiti Kerajaan dalam pelbagai projek yang melibatkan pelaburan kewangan adalah terhad. Oleh itu, kita mesti mencari naratif dan wahana baharu dalam membangunkan keberdayaan masyarakat. Jalan keluar terbaik adalah dengan menghakupayakan rakyat dan mengajak masyarakat mencurahkan amal dan bakti pada tanah air. Maka waqf akan menjadi instrumen penting dalam membangun ekonomi, membuka ruang pendidikan dan melebarkan sistem kebajikan Johor dan masyarakatnya.

109. Keputusan ini adalah ekoran bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sistem dan institusi Waqf mempunyai potensi yang sangat luar biasa. Tetapi selama ini, instrumen dan institusi ini dipinggirkan dan tidak dikembangkan secara optimum.

110. Justeru, telah tiba masanya Waqf dibangunkan dan diuruskan secara profesional. Khususnya dalam mengembangkan budaya memberi seperti yang diamalkan oleh masyarakat negara maju di Barat. Kita mahu membudayakan masyarakat Johor dengan tradisi memberi dan menyumbang sebanyak-banyaknya. Memberi bukan untuk ganjaran, martabat dan upacara, tetapi kebaikan manusiawi jua.

111. Melaluinya, pelbagai inisiatif endowmen boleh dilakukan untuk tujuan pendidikan, penyelidikan sains dan teknologi, pembangunan antarabangsa, budaya, sukan dan pelbagai

ikhtiar kebajikan yang lain.

Tabung Waqf

112. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan penubuhan **Tabung Waqf Rakyat Johor**. Tabung ini akan diuruskan oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) yang akan dilantik sebagai Nazir Khas Pembangunan oleh MAINJ.

113. Mandat dan tugas utamanya bukan sekadar mentadbir amanah Waqf dengan sebaik-baiknya, tetapi meyakinkan umat Islam agar aktif mewaqaf dan menginfaq harta benda untuk Islam, untuk ummah dan untuk kebaikan manusiawi.

Sekolah Agama Waqf Antarabangsa

114. Bagi menjayakan Agenda Besar yang kedua ini, Perbadanan Islam Johor Holdings (PIJH) akan menyuntik RM5 juta kepada Tabung Waqf ini. Sebuah sekolah agama Waqf pertama yang akan mengguna pakai sukatan kurikulum pembelajaran antarabangsa juga akan dibangunkan dengan kerjasama *Fateh College* dari Turki.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Ketiga – Mewujudkan *Central Business District* (JBCBD) di dalam Bandaraya Johor Bahru

115. Johor Bahru telah diumumkan dalam RMK-11 sebagai salah satu daripada 4 buah bandar utama yang akan muncul sebagai metropolis baharu Malaysia. Sesuai dengan matlamat tersebut, kewujudan sebuah *Central Business District* (dengan izin) amatlah relevan dengan potensi dan kedinamikan tersendiri Johor Bahru. Ada 4 sebab yang mewajarkannya;

- a. Pertama: Kedudukannya amat strategik. Selain menjadi salah satu pintu masuk utama negara, Johor Bahru terletak bersebelahan dengan kota metropolis paling maju dan membangun di dunia, Singapura. Johor Bahru juga adalah Ibu Negeri di Semenanjung Malaysia yang paling hampir dengan Indonesia. Maka, ia mesti ditiupkan dengan nafas pembaharuan untuk melonjakkannya sebagai Jauhari Selatan yang berciri global.
- b. Kedua: Malaysia memerlukan lebih banyak kawasan pertumbuhan ekonomi seperti Kuala Lumpur jika ingin kekal berdaya saing. CBD sangat sesuai diwujudkan di Johor Bahru kerana ia terhubung dengan infrastruktur sokongan yang baik seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa dan tidak lama lagi Rangkaian Keretapi Laju yang moden.

- c. Ketiga: Johor Bahru menyaksikan penambahan penduduk dan kepesatan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.
- d. Keempat dan terakhir: Kewujudan CBD di Johor Bahru akan membantu meningkatkan taraf hidup komuniti setempat susulan limpahan kesan perniagaan dan aktiviti ekonomi yang baharu.

116. Sebagai permulaan, **Pelan Transformasi *Central Business District (CBD) Johor Bahru* akan disediakan.** Komponen utamanya ialah pembangunan *Coronation Square* yang akan melibatkan pembinaan pelbagai gedung komersial yang terhubung melalui laluan pejalan kaki bertingkat, ruang Persada Annex yang bakal menjadi tumpuan usahawan Bumiputera, hab perkhidmatan kesihatan pelbagai disiplin termasuk perubatan alternatif dan pembinaan pelbagai menara perniagaan dan kediaman yang menampilkan gaya kehidupan kontemporari yang lestari.

117. Dengan kos sebanyak RM 5 juta, pelan ini akan disediakan oleh Johor Corporation dan akan disiapkan secepat mungkin bagi mendapat maklumbalas semua pemegang taruh dan masyarakat Johor Bahru sebelum fasa pembangunannya bermula.

118. Kerajaan Negeri berharap, 10 tahun akan datang, Johor Bahru Central Business District ini akan menjadi Kuala Lumpur kedua untuk Malaysia. Malah, lebih baik daripada

segi landskap, prasarana, dan kualiti kehidupannya, *Insyallah*.

Keempat – Rejuvenasi Desa Johor

119. Selain daripada pemerkasaan bandaraya kita, Kerajaan Negeri turut mempunyai Agenda Besar yang khusus bagi mencergaskan rejuvenasi luar bandar. Ia akan dikenali sebagai Rejuvenasi Desa Johor dan akan menjadi Agenda Besar yang keempat bagi merencanakan ekonomi Johor.

120. Program ini akan menjadi fokus Kerajaan Negeri bermula tahun 2016 dan tahun-tahun mendatang. Tujuannya pelbagai.

- a. Pertama: Kita mahu memastikan wujudnya keseimbangan antara pembangunan kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Idea pembangunan inklusif berkehendakkan kita membangunkan seluruh potensi Johor secara adil dan bukan hanya tertumpu di kawasan seperti Iskandar Malaysia dan Johor Bahru sahaja.
- b. Kedua: Kita mahu memastikan potensi ekonomi kawasan luar bandar dibangunkan secara maksimum. Kawasan pertanian dan ladang, daerah perikanan, sempadan perhutanan dan paya bakau, serta pusat aktiviti ekonomi desa yang lain mesti dihubungkan dengan pelbagai kemudahan prasarana dan teknologi komunikasi.

- c. Ketiga: Kita percaya bahawa ramai anak muda di desa mesti digalakkan untuk meneruskan aktiviti pekerjaan di desa seperti bertani, berternak, mengusahakan aktiviti perikanan, menjadi malim gunung, memajukan kawasan pelancongan serta pelbagai lagi pekerjaan desa yang mulia dan bermanfaat.

Pelan Rejuvenasi Desa Johor

121. Semua ini agar desa Johor terus bermanfaat dan membangun seiring dengan kemajuan bangsa dan negara. Kita mahu memastikan penduduk luar bandar terus tinggal menetap dan memajukan kawasan luar bandar. Tetapi mereka mesti dilengkapi dengan kemahiran yang lebih baik, dengan ilmu yang lebih mendalam, dengan manfaat teknologi yang lebih canggih dan pastinya, dengan pendapatan yang lebih tinggi. Kerana desa dan kawasan pedalaman kita adalah aset penting untuk Johor yang membangun dengan inklusif dan lestari.

122. Maka sukacita saya umumkan bahawa, Kerajaan Negeri melalui kerjasama strategik dengan Bait Al Amanah, iaitu institut pemikir milik UMNO Johor, akan menyediakan satu **Pelan Komprehensif untuk Mencergaskan Rejuvenasi Desa Johor**. Semua kos penyediaan pelan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Bait Al Amanah. Ini adalah satu sumbangan UMNO Johor untuk rakyat negeri ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Kelima – Mewujudkan Zon Antarabangsa

123. Sekalipun kita mengalu-alukan kedatangan pelabur dan perniagaan asing untuk merancakkan ekonomi domestik, kita harus mengimbangnya dengan kepentingan masyarakat tempatan. Isu seperti pemilikan hartanah oleh orang luar adalah isu yang akan meminggirkan kepentingan masyarakat tempatan, jika tidak diimbangi dan diurus dengan betul.

124. Bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak dipelihara, Kerajaan Negeri mengumumkan pengisytiharan penubuhan **Zon Antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ)**.

125. Pengisytiharan Zon Antarabangsa ini adalah dengan satu tujuan utama, iaitu untuk mengawal pemilikan hartanah oleh warganegara asing di Johor. Semua ini bertujuan memastikan rakyat tempatan tidak terjejas dengan spekulasi harga hartanah.

Pemilikan Hartanah Warganegara Asing

126. Misalnya, bagi pembangunan perumahan bertanah, strata bertanah dan komersial atau perdagangan di luar Zon Antarabangsa, pemilikan warganegara asing yang dibenarkan hanya 10% hingga 30% sahaja tertakluk kepada kategori pembangunan hartanah.

127. Zon Antarabangsa ini juga dirangka untuk memenuhi beberapa kepentingan strategik lain.

- a. Pertama: Zon ini akan dibangunkan menjadi pusat pelaburan dan industri yang berdaya saing agar berupaya menarik masuk pelaburan asing dengan lebih banyak dan pelbagai.
- b. Kedua: Konsep dan susun atur pembangunan di sini akan direncanakan secara moden dan memenuhi keperluan global. Namun digerakkan dengan cara yang boleh memberi kelebihan kepada pemain dan anak tempatan serta kelestarian alam sekitar di sekelilingnya.
- c. Ketiga: Ia akan menjadi pusat yang mempunyai watak tempatan namun berkapasiti profesional dan antarabangsa daripada segi keupayaan tawaran perkhidmatan dan produk, kepakaran, sistem pengendalian dan pengurusan serta kemudahan sosial.
- d. Keempat: Ia akan menjadi satu lagi produk Johor dengan jenama dan prestij tersendiri yang akan diangkat dan dibawa ke pentas ekonomi serantau dan antarabangsa sebagai tarikan pelaburan yang menarik dan kompetitif.
- e. Kelima dan terakhir: Zon Antarabangsa ini juga bertujuan merealisasikan salah satu daripada 9 sektor ekonomi yang menjadi fokus Iskandar Malaysia.

128. Berdasarkan kelima-lima kepentingan strategik ini, Zon Antarabangsa akan memacu satu bentuk pembangunan yang

memberi nilai tambah kepada Johor dan Malaysia. Ia akan menjadi satu lagi '*brand*' atau produk Johor yang akan menjadi tumpuan dunia. Yang pasti, ia merangsang bakat terbaik tempatan untuk bekerja di dalam negara namun dalam persekitaran antarabangsa.

129. Dalam erti kata lain, Zon Antarabangsa adalah sebahagian aspirasi Johor untuk menjadi kuasa ekonomi termaju di Malaysia dan rantau ini. Kita tidak mahu lagi sekadar bersaing dengan pemain-pemain tempatan dan negeri-negeri lain di dalam negara. Kita mahu pergi lebih jauh dan menjadi pemain global.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

130. Selain daripada 5 Agenda Besar ini, usaha merancang pertumbuhan ekonomi Johor akan turut disokong oleh titik-titik sentuhan yang pelbagai dan menarik. Kesemuanya adalah seperti berikut.

Penubuhan dan Persempadanan Semula PBT

131. Kerancangan aktiviti ekonomi memerlukan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diperkemas dan menjadi lebih sistematik. Oleh itu proses Persempadanan Semula PBT amatlah perlu. Untuk tujuan ini, 3 PBT, iaitu MBBJ, MPPG dan MPJBT akan disempadankan semula. Persempadanan semula ini berkuatkuasa 1 Januari 2016.

Penubuhan PBT Pengerang

132. Selain itu, pertumbuhan dan pembangunan pesat *Pengerang Intergrated Petroleum Complex* (PIPC) dan kawasan sekitarnya menuntut pengurusan serta pentadbiran pihak berkuasa tempatan yang cekap dan berkeupayaan. Ini amat penting dalam menguruskan pembangunan kawasan perindustrian mega dengan kehadiran pelbagai pelabur antarabangsa. Pelbagai proses yang melibatkan kelulusan pelan pembangunan sehinggalah pengeluaran lesen perniagaan, mesti dilaksanakan dengan cekap dan pantas. Bagi memastikan hal ini dapat direalisasikan, satu PBT khusus bagi Pengerang akan diwujudkan dan Johor Corporation akan dilantik mentadbirnya sehingga suatu masa yang akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri kelak.

133. Keputusan ini diharap akan membantu menjayakan pelbagai siri pelaburan yang dijangka bernilai RM18 bilion untuk memajukan industri minyak dan gas di Pengerang melalui Projek Rapid Complex.

Ekonomi Bumiputera di Pengerang

134. Pembangunan pesat di Pengerang mestilah memanfaatkan masyarakat perniagaan Bumiputera. Bagi memastikan yang limpahan ekonomi dan pembangunan di Pengerang tidak meminggirkan penyertaan dan kemandirian Bumiputera, Pusat Industri Bumiputera di Pengerang akan dibangunkan oleh PIJH yang terdiri daripada taman perindustrian ringan,

sederhana dan berat dengan keluasan 877 ekar.

Infrastruktur – Projek Kerajaan Persekutuan

135. Pada kesempatan ini juga, Kerajaan Negeri merakamkan rasa terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana kelulusan pelbagai projek di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Antara beberapa projek besar di bawah RMK-11 yang telah diluluskan dan boleh menjadi ikon kawasan ialah:

- a. Pembangunan Landskap Perbandaran Batu Pahat yang berjumlah RM10.5 juta,
- b. Projek Taman Awam Tepian Sungai Muar berjumlah RM11.25 juta,
- c. Projek Taman Komuniti Kampung Melayu, Kluang berjumlah RM3 juta,
- d. Pusat Perkhidmatan dan Transit Pelancong di Pekan Batu 4, Kota Tinggi berjumlah RM10.8 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Industri Perabot

136. Pertumbuhan ekonomi Johor akan terus dipacu oleh pembangunan pelbagai sektor, termasuk industri pembuatan. Johor memang mempunyai sektor pembuatan yang sangat berdaya saing seperti industri perabot. Daerah Muar-Ledang misalnya, sangat sinonim dengan industri perabot yang cergas dan merupakan penyumbang 54% eksport perabot Malaysia.

137. Menyedari potensi ini, satu Hab Industri Perabot yang dikenali sebagai Taman Perindustrian Kayu Muar (MTIP) akan dibangunkan di kawasan seluas 985 ekar dengan anggaran kos pembangunan keseluruhan berjumlah RM355 juta.
138. Pembangunan berkonsepkan Kerjasama Awam Swasta (PPP) ini akan menyaksikan penglibatan cergas Johor Corporation, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Persatuan Perabot Muar (MFA). Ia dijangka akan siap dibina dalam tempoh 3 tahun.
139. Projek ini akan menyusun dan menempatkan semula kilang-kilang perabot yang tidak berlesen di Muar ke satu taman perindustrian pembuatan perabot yang bersepadu dan terancang. Hasilnya nanti, daerah Muar akan di transformasikan sebagai “Hab Perabot” yang utama bagi Malaysia dan rantau ini.
140. Sebagai usaha untuk terus menyokong Daerah Muar-Ledang sebagai pemain utama dalam industri perabot, satu Pusat Pameran Antarabangsa Perabot Ledang juga akan dibina secara penswastaan. Kerajaan Persekutuan juga telah bersetuju untuk memberikan RM14.68 juta sebagai dana mudah cara.

Pusat Persidangan dan Pameran Antarabangsa

141. Pada Bajet 2015, saya telah mengumumkan bahawa Johor mesti dibangunkan sebagai destinasi persidangan dan

pameran bertaraf antarabangsa atau MICE. Ia adalah bidang pertumbuhan yang sangat strategik. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan *Johor Convention & Exhibition Bureau* (JCEB).

Pelancongan

142. Selari dengan sasaran Pelan Pertumbuhan Strategik Johor yang ingin meletakkan Mersing sebagai destinasi pelancongan serantau, prasarana pelancongan Mersing akan dibangunkan secara menyeluruh. Susulan peruntukan sebanyak RM174.9 juta di bawah RMK-9 dan RMK-10 sebelum ini, sebanyak 6 projek lagi telah diluluskan di bawah RMK-11 dengan kos keseluruhan sebanyak RM80 juta. Daripada jumlah ini, peruntukan bagi Rolling Plan 1 (RP1) adalah sebanyak RM12.7 juta iaitu bagi Pembangunan Taman Pemprosesan Ikan Endau-Mersing dan Pembangunan Pelancongan Inap Desa (*homestay*) Mersing.

143. Selain daripada itu, selari dengan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor (2014-2023), Kerajaan Negeri bersetuju untuk Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan, Johor Bahru dijadikan, antara lain, pusat sehenti pelancongan, pusat penjualan cenderamata, platform pertunjukkan berjadual serta pusat mengetengahkan makanan dan busana warisan Johor.

Transformasi Kota Tinggi

144. Satu lagi daerah yang mempunyai potensi pelancongan yang besar ialah Kota Tinggi. Ia kaya dengan pelbagai warisan sejarah. Selari dengan Pelan Transformasi Kota Tinggi, ia akan dibangunkan sebagai satu lagi produk pelancongan untuk Johor.

Program Kembara Wangsa Kota Tinggi

145. Bersesuaian dengan Program Kembara Wangsa Kota Tinggi yang saya umumkan pada tahun lepas, kawasan tapak sejarah sekitar pinggir Sungai Johor akan dibangunkan. Pembangunan secara berperingkat tersebut akan dimulakan dengan menaiktaraf Balai Polis Lama Kota Tinggi menjadi Pusat Informasi Pelancongan dengan kos sebanyak RM2.5 juta.

Infrastruktur Taman Negara

146. Bagi menyelenggara dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Taman-taman Negara di Johor pula, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2016. Ini merangkumi Taman Negara Tanjung Piai, Taman Negara Gunung Ledang, Taman Negara Endau Rompin (Selai); dan Taman Laut Sultan Iskandar.

Agro-Pelancongan

147. Kerajaan Negeri juga akan turut meningkatkan sektor agro-pelancongan, iaitu pelancongan berasaskan pertanian dan inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Pertanian

148. Sektor pertanian akan terus menjadi sektor penting dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Johor. Untuk itu, pada tahun 2016, kita akan memperkenalkan beberapa inisiatif baharu. Iaitu:

- a. Pertama: Program Pertanian Rakyat dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu,
- b. Kedua: Program Galakan Usahawan Tani dengan peruntukan sebanyak RM3 juta,
- c. Ketiga: Pemantapan kawalan penyakit dan kesihatan ternakan sebanyak RM 1.8 juta,
- d. Keempat: Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Sayuran, Buah-buahan dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), dan
- e. Kelima: Pembangunan Segamat Sebagai Daerah Industri Asas Tani. Sebagai permulaan, tanah seluas 702 ekar di Tebing Tinggi, Mukim Jementah akan dibangunkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9 juta. Ia akan melibatkan pembangunan usahawan tani dan projek agrotani dengan kerjasama Johor Corporation. Antara projek-projek pertanian lain yang akan turut dibangunkan

ialah Pusat Agro-pelancongan, Pembiakbakaan dan Fidlot Biri-biri (Dorper), Penanaman Lada Hitam, Penanaman Uncaria Gambir, Penanaman Serai Wangi; dan Penanaman Buah Tin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KETIGA: MENANGANI PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

149. Malaysia secara keseluruhannya telah menyaksikan peningkatan kos sara hidup yang pantas dan kerap. Amat sukar bagi sebuah ekonomi yang dinamik untuk mengelak dari masalah ini kerana dorongan beberapa faktor luar kawalan Kerajaan, khususnya Kerajaan Negeri.
150. Menyedari bahawa peningkatan kos ini memberi kesan kepada rakyat, langkah yang rasional dan pendekatan-pendekatan inovatif mesti diambil bagi berhadapan dengan perkara ini. Tujuannya untuk meringankan beban rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah di negeri Johor.
151. Berlanjutan dari Bajet sebelum ini yang menganjurkan kepentingan kedai runcit harga patut sebagai alternatif untuk berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup, maka saya mengumumkan penubuhan 20 rangkaian Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop). Kedai ini akan menawarkan pelbagai barangan pada harga patut dan ahli-ahli koperasi

yang terlibat akan menikmati tambahan diskaun sebanyak 3% secara automatik.

152. Lebih menarik, inisiatif ini menyerlahkan konsep Muafakat Johor, kerana melibatkan penyertaan 60 buah koperasi dengan keahlian seramai 40,000 keahlian. Salah satu daripada koperasi tersebut adalah Koperasi Muafakat Bangsa Johor (KMBJ) yang terbuka kepada semua kaum.

Penyertaan Golongan Miskin Dalam Koperasi

153. Bagi membolehkan mereka yang kurang berkemampuan berupaya menikmati manfaat harga patut serta diskaun tambahan 3% ini, Kerajaan Negeri akan membantu membayarkan saham keahlian kepada 6,500 orang golongan miskin dan berpendapatan rendah dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.3 juta.

154. Kedai-kedai ini akan dibuka dan mula beroperasi sebelum akhir tahun 2015. Seterusnya, 50 buah lagi Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop) akan dibuka pada tahun 2016, mencakupi kawasan di luar Iskandar Malaysia.

Merencanakan Aktiviti Koperasi Pelbagai Kaum

155. Selain itu, bagi terus menggalakan penggunaan instrumen koperasi dan konsep muafakat dalam keberdayaan ekonomi, Kerajaan Negeri akan turut memperuntukkan RM300 ribu bagi penubuhan pelbagai koperasi berbilang kaum di Johor.

Koperasi Orang Asli

156. Malah, buat julung-julung kalinya kita akan menubuhkan sebuah Koperasi Orang Asli Johor dengan sumbangan dana sebanyak RM200 ribu. Inisiatif '*social enterprise*' (dengan izin) ini, diharap akan sedikit demi sedikit membangunkan cara hidup berkeusahawanan dalam kalangan orang asal.

Pembinaan Kapasiti Insan

157. Masalah kesenjangan ekonomi dalam masyarakat adalah masalah serius yang mesti diberikan perhatian. Rata-ratanya masalah ini berpunca daripada kelemahan kebolehsaingan. Bagi membantu mengatasi masalah ini, Program Azam Kerja Muafakat Johor akan diteruskan. Ia bertujuan membangun kapasiti dan menanam daya kebolehsaingan kumpulan sasaran. Penerima manfaat program ini adalah 250 orang dalam kategori 40 Terbawah (B40) dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Pembasmian Kemiskinan

158. Untuk terus memastikan sasaran kadar kemiskinan sifar tercapai, pelbagai program pembasmian kemiskinan dengan peruntukan sejumlah RM8.5 juta akan dilaksanakan. Program ini meliputi, antara lain, Program Usaha Meningkatkan Pendapatan 40 Terbawah (B40), Program Transformasi Minda Insan dan Pembangunan Modal Insan.

Sumbangan Yayasan Pengerang

159. Bagi memastikan manfaat pembangunan di Pengerang dirasai penduduknya, Kerajaan Negeri akan menyalurkan sebanyak RM500 ribu kepada Yayasan Pengerang. Peruntukan ini akan menggunakan dana hasil Tabung Sosial Pengerang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Semoga melalui sumbangan kepada yayasan ini, pelbagai aktiviti sosio-ekonomi yang bermanfaat kepada penduduk Pengerang dapat digiatkan.

Makanan Sihat Pelajar Miskin

160. Sebagai langkah intervensi dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup, bantuan makanan sihat kepada 10,000 pelajar anak golongan miskin di Sekolah Rendah Agama Johor yang dijalankan sebelum ini akan diteruskan. Kali ini, pembiayaan bantuan tersebut adalah berjumlah RM4 juta.

Kebajikan Nelayan

161. Manakala bagi meringankan beban dan kos sara hidup yang dihadapi golongan nelayan yang terjejas kerana pelbagai aktiviti pembangunan dan penambakan di Selatan Johor, Kerajaan Negeri telah memberikan bantuan kewangan kepada 1,800 orang nelayan berdaftar dan layak. Pada tahun ini, jumlah yang diberikan ialah RM1 ribu seorang. Namun untuk tahun hadapan, bantuan ini akan digandakan 100%

dengan pemberian sebanyak RM2 ribu seorang kepada setiap nelayan yang terlibat.

Pertanian Kota

162. Sejalan dengan matlamat memperkukuh inklusiviti dan menangani isu peningkatan kos sara hidup di bandar, program Pertanian Kota atau *Urban Farming* di Iskandar Malaysia akan diperkenalkan. 4 kawasan iaitu Johor Bahru, Kulai, Pasir Gudang dan Tebrau telah dikenalpasti untuk menjayakan Program Pertanian Kota ini.

163. Dan bagi membantu menjayakan program ini, sebuah entiti pembimbing yang dinamakan *Urban Farming Development Centre* (UFDC) akan diwujudkan oleh IRDA untuk memberi panduan, galakan dan sokongan kepada mereka yang terlibat. Sebanyak RM1 juta akan diperuntukkan untuk program ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

164. Biar apa pun alasan dan halangan - kemiskinan, peningkatan kos sara hidup dan apa-apa sahaja desakan hidup - pentadbiran saya tidak akan membiarkan mana-mana anak Johor tercicir dalam pendidikan mereka. Pendidikan adalah hak asasi dan tanggungjawab ini mesti dilunaskan oleh Kerajaan dengan sebaiknya.

Bantuan Pendidikan

165. Bagi menggalakkan pelajar dari keluarga miskin terus cemerlang dalam pendidikan, insentif Biasiswa Kenangan Dato' Onn (BKDO) akan diteruskan di Johor.
166. Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat ini, YPJ sedang membiayai seramai 1,028 orang pelajar pelbagai kaum. Mereka terdiri daripada 862 orang pelajar Melayu, 113 pelajar Cina dan 53 orang pelajar India dengan peruntukan berjumlah RM750 ribu.
167. Bagi tahun 2016 pula, YPJ akan meneruskan insentif pendidikan ini dengan peruntukan tambahan sebanyak RM240 ribu lagi. Ini akan membiayai seramai 400 orang lagi pelajar baharu dan menjadikan peruntukan keseluruhan untuk BKDO bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM990 ribu.
168. Seterusnya bagi meringankan beban keluarga untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka, peruntukan Skim Bantuan Pendaftaran Ke IPTA kepada anak Johor daripada keluarga berpendapatan maksimum RM4 ribu, ditambah daripada RM1 juta pada 2015 kepada RM1.5 juta pada tahun hadapan. Skim ini mensasarkan seramai 3,000 orang mahasiswa baharu.
169. Kita harap, melalui segala inisiatif pelbagai bentuk ini, akan sedikit sebanyak membantu meringankan kos sara hidup penerima yang selayaknya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEEMPAT: MERANCAKKAN KEUSAHAWANAN JOHOR BERASASKAN INOVASI DAN PENGETAHUAN

170. Rakyat Johor harus menjadi sebuah masyarakat yang mandiri, yang berdaya saing dan boleh membangunkan potensi diri serta memanfaatkan segala peluang yang tersedia. Sifat dan budaya keusahawanan mesti menjadi nilai masyarakat kita.

171. Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk mengarusperdanakan agenda keusahawanan ini atau apa yang saya panggil **Keusahawanan Johor**. Sasaran kita adalah memastikan lebih banyak perniagaan dapat diwujudkan. Sekaligus lebih banyak kehidupan menjadi lebih baik dan lebih ramai rakyat kita yang bekerja sendiri dan tidak mengharapkan pihak Kerajaan.

Tapak Perniagaan

172. Bagi mencapai hasrat ini, satu program Bantuan Bertapak Usahawan atau B.A.N.T.U akan dilaksanakan. Ia melibatkan sebanyak 267 lot komersial EDC-SSI dan akan memanfaatkan 500 orang usahawan.

Usahawan Asnaf

173. Sebanyak RM1.85 juta peruntukan juga akan disalurkan dalam Program Usahawan Asnaf dengan kerjasama *Entrepreneur Development Centre* (EDC). Melalui program ini,

perkara-perkara berikut akan dilakukan;

- a. Pertama: Bazar Usahawan Asnaf Zakat di setiap daerah di Johor akan dibangunkan menjelang akhir 2016. Setakat ini bazar tersebut telah dibuka di PPR Sri Stulang, Johor Bahru,
- b. Kedua: Bantuan strategi pemasaran produk dan perkhidmatan, suntikan modal permulaan dan latihan keusahawanan, dan
- c. Ketiga: Mewujudkan sebuah Asnaf Mart Negeri Johor.

Latihan SME

174. Bagi menggalakkan penglibatan usahawan dalam bidang perniagaan berasaskan teknologi, Program Bio-SME yang dilancarkan pada 2014 akan diteruskan. Ia akan menjadi platform bagi syarikat-syarikat Bio-SME mendapat bimbingan melalui latihan khusus mendepani masalah seperti pengurusan risiko, akses pasaran dan pembiayaan bagi perniagaan berasaskan bioteknologi.

175. Program ini akan dilaksanakan melalui:

- a. Pertama: Program bimbingan dan program mentor untuk syarikat-syarikat Bio-SME yang terpilih, dan
- b. Kedua: Projek perintis Program *Handholding* untuk 10 syarikat Bio-SME yang akan beroperasi antaranya di *Johor Biotech's Park*.

Bio Halal dan Makmal Halal

176. Untuk mencergaskan industri, satu Hab Bio Halal akan dibangunkan. Kerjasama strategik ini melibatkan JAINJ, MAINJ dan JBiotech. Inisiatif komprehensif pertama seumpamanya di Malaysia ini akan melibatkan 2 inisiatif utama:

- a. Pertama: Pembangunan satu *Roadmap* (dengan izin) yang akan menggariskan penyediaan komponen ekonomi & teknologi yang bersesuaian seperti infrastruktur, proses permohonan sijil halal dan keperluan lain bagi menjayakan Hab Bio Halal ini;
- b. Kedua: Penubuhan Makmal Halal bagi menyokong bermacam-macam keperluan oleh pelbagai industri di Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Insentif Merancakkan Keusahawanan

177. Bagi merancakkan lagi aktiviti keusahawanan di negeri Johor, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi merealisasikan 3 inisiatif besar berikut:

- a. Pertama: Program Jejak Mini PKS di bawah Pusat Pembangunan Usahawan Johor dengan sasaran menemukan 130 usahawan dengan pelbagai agensi yang mencakupi 26 Parlimen,

- b. Kedua: 4 pakej rangsangan dalam mempromosi produk usahawan Johor, promosi Video Usahawan, memperkenalkan Buku Direktori Usahawan Negeri Johor, mengiktiraf usahawan negeri melalui Anugerah Usahawan Johor; dan memperkenalkan slot Kad Bisnes di setiap daerah; dan

- c. Ketiga: Program Pembangunan Usahawan Kemahiran dengan sasaran melahirkan 1,200 orang usahawan generasi baharu yang berkemahiran tinggi. Program ini akan diselaras dan dikendalikan oleh EDC dan akan melibatkan institut dan kolej kemahiran di negeri Johor.

Usahawan Belia Islam

178. Program Bantuan Usahawan Belia Islam di bawah PIJ pula akan diteruskan dan dipertingkatkan. Kali ini, dengan peruntukan sebanyak RM2.25 juta, sasaran penerima adalah seramai 1,812 usahawan, iaitu peningkatan sebanyak 18% dan melibatkan 4 skim iaitu:

- a. Usahawan Belia,
- b. Penjaja Kecil,
- c. *Youth Collective*, dan
- d. Tajaan Belia

Usahawan IKS

179. Bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS), sebanyak RM2 juta akan diberikan di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana.

Dana ini bertujuan memperluas promosi dan pemasaran produk-produk IKS Johor sehingga ke peringkat antarabangsa. Malah, ia akan turut menyediakan bantuan modal dan barangan kepada usahawan IKS yang layak.

Kemudahan Usahawan Belia

180. Pekan Rabu, Johor Bahru pula akan dijenamakan semula sebagai Hab Perniagaan Belia serta menawarkan kemudahan ruang perniagaan kepada usahawan belia. Konsep seumpama ini telah dilaksanakan di Bangunan EDC, Bandar Baru Uda.

181. Selain itu pembangunan 3 Inkubator Usahawan yang setiap satunya menelan kos RM1.5 juta akan dilaksanakan dengan sasaran mewujudkan 94 unit pejabat kecil oleh PIJ di 3 lokasi iaitu:

- a. Pertama, di Stulang Baru iaitu sebanyak 34 unit,
- b. Kedua, di Pasir Gudang sebanyak 30 unit, dan
- c. Ketiga, di Pengerang sebanyak 30 unit.

Usahawan Bumiputera

182. Bagi mengupayakan usahawan Bumiputera, pelbagai aktiviti perniagaan yang dijana oleh Koridor Utiliti Johor Sdn Bhd (KUJSB) akan digiatkan dengan sasaran melahirkan seramai 30 syarikat dan usahawan berpotensi.

Usahawan Luar Bandar

183. Sebagai membantu kebingkasan ekonomi luar bandar, terutamanya di kawasan pesat membangun seperti Pengerang dan Desaru, 1 program latihan kemahiran dan keusahawanan kepada penduduk dan usahawan tempatan di sana akan dikendalikan oleh KEJORA dengan peruntukan sebanyak RM8 juta.

Tanah Pajakan Untuk Diusahakan

184. Selain inisiatif dalam bentuk peruntukan dana dan penyediaan program-program latihan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti dan akan mempertimbangkan sebanyak 21 lot tanah dengan jumlah keluasan kira-kira 97 ekar untuk dipajak dan dimajukan oleh pelbagai usahawan dan koperasi di Johor. Inisiatif ini melibatkan kerjasama strategik antara PDT dan EDC.

185. Bagi mewujudkan prasarana perniagaan yang sesuai dengan keadaan dan lingkungan semasa, Kerajaan Negeri akan menaikkan taraf gerai-gerai dan pasar awam agar lebih mesra pengunjung, bersih, harmoni dan sistematik. Peningkatan ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM36 juta yang merangkumi, antaranya:

- a. Projek menaikkan taraf Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dengan kos RM1.2 juta,
- b. Projek menaikkan taraf gerai dan medan selera di Mutiara Rini dengan kos RM2 juta, dan

- c. Projek menaiktaraf gerai dan pasar awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan kos RM5.4 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KELIMA: MENGANGKAT AGENDA JOHOR LESTARI

186. Dalam agenda pembangunan Johor yang berdaya saing, membelakangkan alam sekitar bukan satu pilihan. Setiap dasar, agenda dan projek di Johor mesti harmoni dengan kepentingan alam sekitar.

187. Sumber air dan laut, hasil bumi, bekalan udara yang bersih serta persekitaran yang hijau dan damai sangat penting kepada Johor yang berkesejahteraan. Kesemuanya adalah simfoni alam yang amat berguna pada kita. Tanpanya, mana mungkin hidup kita boleh berfungsi dengan normal.

188. Ambil sahaja pengajaran dari fenomena jerebu yang kita hadapi baru-baru ini. Kita dihukum teruk oleh alam. Ia menggugat produktiviti, merugikan perniagaan, memudaratkan kesihatan, membantut rutin harian, mengganggu proses persekolahan malah menekan emosi dan jiwa kita.

189. Sasterawan Negara kelahiran Kuala Sedili, Johor, Allahyarham Dato' Dr. Usman Awang di dalam karyanya, *Surat Masyarakat Burung Kepada Dato Bandar*, pernah menempelak dan menegur sinis pihak pemerintah. Betapa

hari ini kita dilihat terlalu ghairah mementingkan pembangunan fizikal sehingga mengabaikan nasib alam sekitar.

190. Sedangkan, semua perniagaan masa hadapan adalah berorientasikan kelestarian. Malah dalam RMK-11 sendiri, pertumbuhan ekonomi hijau menjadi salah satu dari enam teras strategik bagi memacu perubahan ekonomi Malaysia.

191. Maka, amat penting untuk kita memastikan yang kepesatan pembangunan fizikal dan hutan konkrit tidak sama sekali mengabaikan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli. Baik untuk kegunaan masa kini mahupun survival generasi masa hadapan seperti yang disarankan dalam Suruhanjaya Brundtland.

192. Masanya telah tiba untuk kita memastikan pertumbuhan ekonomi kita mengambil kira kos perubahan iklim, pemanasan global, kualiti alam sekitar dan kesusutan sumber asli negeri.

193. Kita semua adalah sebahagian dari kelestarian ini dan harus berkongsi tanggungjawab secara bersama - kerajaan, sektor swasta, pertubuhan sivil, rakyat tempatan mahupun masyarakat antarabangsa.

Dasar Kelestarian Johor

194. Oleh itu, pada tahun 2016, dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta, kita akan melancarkan satu Agenda Besar alam sekitar yang mapan iaitu **Dasar Kelestarian Johor**.
195. Penggubalan dasar komprehensif ini akan memberi halatuju yang jelas bagaimana kita harus mengurus sumber asli dengan cekap serta memberikan pencerahan tentang pelaburan yang mesti kita lakukan bagi menyokong agenda kelestarian.
196. Kata orang, sediakan payung sebelum hujan. Jangan sampai nanti sudah terhantuk, baru tergadah.
197. Untuk makluman Dewan, penggubalan Dasar Kelestarian Johor ini disasarkan siap dalam masa 6 bulan dari sekarang.

Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim

198. Pada waktu yang sama, komitmen kita terhadap kelestarian bukan sekadar pada kerangka dasar. Kita akan menggerakkannya melalui Majlis Teknologi Hijau & Perubahan Iklim yang telah ditubuhkan bagi merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang relevan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM100 ribu akan diperuntukkan.

Masyarakat Rendah Karbon

199. Lebih spesifik, kita akan melakukan Pelaksanaan Pelan *Low Carbon Society* (dengan izin), yang meliputi Program Pembinaan Kapasiti, Program Pemantauan Karbon dan Program Komuniti Hijau di bawah 5 PBT di dalam kawasan Iskandar Malaysia.

Pemeliharaan Gajah

200. Kelestarian Johor juga menuntut agar segala sumber biodiversiti kita dipertahan dan dipulihara dengan giat. Untuk itu, satu Pusat Santuari Gajah Johor dengan kos RM15 juta akan turut dibina. Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 ribu pada tahun hadapan, pusat ini akan memberi fokus kepada keperluan program pemuliharaan habitat alam sekitar serta pelaksanaan pendekatan pengekalan kelestarian hidupan liar terutamanya gajah.

Pemeliharaan Dugong

201. Bagi menjaga kepentingan hidupan marin istimewa pula, Pelan Pengurusan Dugong Laut & Tapak Santuari Dugong akan diberikan perhatian. Inisiatif memelihara biodiversiti Johor ini akan diberikan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Tabung Amanah Hidupan Liar

202. Selari dengan aspirasi memelihara alam sekitar sebagai tanggungjawab kolektif, satu Tabung Amanah Hidupan Liar Terperangkap Negeri Johor akan diwujudkan. Tabung ini berfungsi menyokong segala usaha pemuliharaan hidupan liar. Dananya akan dikumpul dengan cara mengenakan caj RM1 bagi setiap ekar kepada 87 buah syarikat perladangan yang beroperasi di kawasan seluas 701,046 ekar.

Sumbangan Perparitan oleh Pemaju

203. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan meningkatkan 150% kadar wang sumbangan perparitan oleh pemaju iaitu sebanyak RM10 ribu setiap ekar kepada Majlis Bandaraya/Perbandaran dan RM5 ribu setiap ekar kepada Majlis Daerah. Sumbangan ini bertujuan membiayai penyelenggaraan sistem saliran bagi pembangunan dalam kawasan tadahan, menaiktaraf sistem saliran, projek kejuruteraan sungai, projek tebatan banjir dan kerja-kerja berkaitan.

Pelan Tindakan Banjir

204. Di samping itu, satu pelan tindakan banjir dengan peruntukan RM1 juta akan turut diwujudkan bagi tujuan mengenal pasti kawasan banjir kilat di seluruh negeri Johor serta merangka penyelesaian jangka masa pendek dan panjang untuk menanganinya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

TERAS KEENAM: MENERUSKAN AGENDA PENDIDIKAN BERKUALITI DAN PEMBANGUNAN SWADAYA INSAN

205. Kita tidak akan mampu memberikan masyarakat kita ikan selama-lamanya. Kita harus mengajar mereka cara memancing, dan memancing di tempat yang betul.

206. Justeru, bagi memastikan Johor dan masyarakatnya lebih berdaya saing, pelaburan yang berterusan dalam membangunkan potensi dan bakat mesti dilipat gandakan. Khususnya dengan membuka ruang agar bidang kemahiran menjadi alternatif yang baik dan setanding dengan laluan akademik.

207. Sebab itulah semasa menerajui Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini, antara dasar yang dekat di hati saya ialah menjadikan pendidikan teknikal dan kemahiran diiktiraf sama penting dengan pendidikan berorientasikan akademik.

208. Kerana saya memahami dengan sedalam-dalamnya, bahawa semua kita mempunyai bakat dan potensi yang berbeza. Tidak semua orang ulat buku. Tidak semua orang suka persekitaran dalam kelas dan perpustakaan. Tidak semua orang minat dengan peperiksaan bertulis yang berasaskan kertas dan markah.

209. Kepada mereka yang tidak boleh pergi jauh dalam bidang akademik, pasti ada kebolehan lain dalam diri mereka yang dapat membantu mereka menjadi berdaya saing dan mandiri. Mereka ini sebenarnya tidak sedikit pun kekurangan atau terkebelakang daripada aspek kemampuan dan bakat.

210. Antara projek utama yang telah saya lancarkan sebelum ini ialah penubuhan *Johor Skill Hub*. Agar tersedia alternatif untuk pendidikan kemahiran tinggi buat mereka yang mempunyai kelainan kebolehan.

211. Namun, menyediakan prasarana yang baik sahaja jauh dari memadai. Akses kepada program-program kemahiran memerlukan pembiayaan. Dan ketiadaan pembiayaan inilah yang seringkali menjadi halangan dan mematikan semangat anak-anak kita yang kurang berkemampuan, namun amat berbakat.

Johor Berkemahiran

212. Justeru, di bawah Teras Keenam dan terakhir ini, Agenda Besar yang akan kita angkat adalah melahirkan warga **Johor Berkemahiran**.

213. Untuk itu, saya dengan sukacitanya mengumumkan 2 inisiatif utama.

Pelan Induk Pembangunan Kemahiran

214. Pertama, kita akan merangka **Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor** atau ***Johor Skill Masterplan***.

215. Kedua, penubuhan **Tabung Latihan Kemahiran Johor**.

Pembiayaan Kemahiran

216. Sebagai pelengkap kepada pelbagai program kemahiran yang tersedia dalam pasaran, kita mesti turut hadir dengan satu skim pembiayaan yang bersesuaian agar segala program yang bermanfaat tersebut boleh direbut dan diikuti oleh anak muda Johor tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka.

217. Justeru, Tabung Latihan Kemahiran Johor ini akan menampung sebahagian pembiayaan kepada pelbagai kursus kemahiran, khususnya kepada peserta-peserta kursus kemahiran yang telah memperoleh pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

218. Di bawah tabung ini nanti, geran bernilai RM2 ribu seorang akan disalurkan kepada 4,500 calon yang layak dengan syarat mereka perlu mengikuti kursus tersebut di institusi-institusi dalam negeri Johor.

219. Pada kesempatan ini, saya berbesar hati mengumumkan Tabung Latihan Kemahiran Johor ini akan menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM10 juta.

Unit Swadaya Insan

220. Bagi memastikan segala inisiatif pembangunan swadaya insan di Johor ini berjalan lancar, memberikan impak yang optimum serta bergerak selari dengan kehendak pasaran semasa, kita juga akan menubuhkan sebuah Unit Swadaya Insan Negeri Johor.

221. Unit ini akan berfungsi sebagai Pusat Seheni (OSC) atau pusat maklumat, yang menguruskan penyelarasan rancangan, pelaksanaan inisiatif serta memberikan tumpuan kepada isu penawaran dan permintaan sumber manusia di negeri Johor termasuklah menjadi perantara agensi kerajaan dengan sektor swasta dan pihak pelabur.

Program Kembara Kerjaya

222. Selari dengan aspirasi pembangunan swadaya insan yang berterusan, Program Kembara Kerjaya yang telah dimulakan pada tahun 2014 akan diteruskan untuk tahun ke-3. Kali ini, dengan peruntukan RM 200 ribu, ia akan diadakan di daerah-daerah terpilih dengan tujuan memberi maklumat pembangunan dan peluang-peluang kerjaya di negeri Johor.

Pembiayaan Pendidikan

223. Bagi pembiayaan pendidikan pula, Pinjaman Pendidikan YPJ akan ditambah peruntukannya menjadi RM3 juta dan akan memberi manfaat kepada 500 mahasiswa baharu.

Rebat Pinjaman Pendidikan

224. Kepada yang sudah menamatkan pengajian pula, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan rebat 20% bagi pelangsaian Pinjaman Pendidikan YPJ secara penuh. Pemberian rebat ini melibatkan kos sebanyak RM 1.5 juta.

Tuisyen Sekolah Menengah YPJ

225. Selain memberikan pinjaman dan potongan bayaran balik pembiayaan pendidikan, YPJ juga akan menjalankan program intervensi pendidikan bagi pelajar tingkatan 5 dengan menyediakan program Tuisyen YPJ untuk subjek Sains dan Matematik Tambahan. Bantuan bersasar ini melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM1.2 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

Prasarana Pendidikan

226. Setelah melalui beberapa proses kelulusan dan pembinaan, saya berbesar hati memaklumkan pembukaan Kampus Induk Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi yang berharga RM120 juta. Kampus ini akan mula beroperasi pada awal 2016 dan Fasa Pertama kemasukannya akan menempatkan seramai 2,500 orang mahasiswa.

Program Kepimpinan Pelajar

227. Bagi mengelakkan masa cuti terbuang tanpa manfaat, YPJ akan mengadakan program Kepimpinan Generasi Ta'zim (*Summer Camp*) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM400 ribu. *Summer Camp* ini menyasarkan 2 objektif utama iaitu:

- a. Pertama: Mengasah bakat kepimpinan mahasiswa dan mendekatkan mereka dengan sejarah kepimpinan tokoh-tokoh Johor, dan
- b. Kedua: Memberi pendedahan kepada peserta tentang dasar semasa serta inisiatif pentadbiran Kerajaan Negeri.

Program Bio-Talent Johor

228. Untuk makluman Dewan, sejak Mac tahun ini, program *Bio-Talent Johor* telah dijalankan. Melihat kepada reaksi positif dan kepentingan program pendedahan untuk meningkatkan kebolehpasaran dalam industri bioteknologi, program *Bio-Talent Johor* ini akan diteruskan pada tahun hadapan. Ia disasarkan untuk melatih 2,000 orang pelajar, graduan, belia dan lepasan sekolah di 20 buah syarikat. Program ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM607 ribu.

Duta Jauhar

229. Selain menumpukan aspek kebolehpasaran graduan, kita juga akan memberi fokus kepada usaha melahirkan lebih ramai generasi *social enterprenuer* (dengan izin). Maka, Program Duta Jauhar akan diteruskan pada tahun 2016 dengan Siri 3 yang melibatkan RM1.5 juta.

Tabung Pendidikan Peringkat Sarjana

230. Sesungguhnya dalam dunia hari ini, memiliki segulung ijazah sudah tidak memadai. Sebaliknya, ilmu harus diteroka ke peringkat yang setinggi mungkin kerana orientasi ekonomi dan persekitaran kita yang berasaskan ilmu dan teknologi. Atas kesedaran ini, Tabung Pendidikan PDT akan menyumbang sebanyak RM10 ribu seorang kepada 30 mahasiswa yang mengikuti program Ijazah Sarjana. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM300 ribu.

Pembinaan Kapasiti Kakitangan PBT

231. Selain menumpukan kepada para pelajar dan mahasiswa, peningkatan kapasiti juga diluaskan kepada kakitangan PBT. Hakikat bahawa mereka sudah bekerja dan mempunyai tugas hakiki tidak seharusnya menguburkan hasrat untuk menambah kelayakan diri. Justeru, bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam kursus-kursus jangka pendek di universiti terkemuka dalam bidang yang berkaitan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM400 ribu melalui PDT bagi tujuan ini.

232. Kita sering mendengar ungkapan bahawa jika ingin melihat nasib dan masa depan sesuatu bangsa, maka lihatlah keadaan belianya hari ini.

Pengurusan Persatuan Belia

233. Berbekalkan kepercayaan bahawa belia adalah aset masa hadapan kita, Kerajaan Negeri akan meneruskan satu Skim Bantuan Belia dengan peruntukan sebanyak RM4.3 juta. Selain untuk kegunaan pelbagai aktiviti belia, skim ini bertujuan membantu melancarkan segala urusan pengurusan persatuan dan pergerakan belia dan boleh dipohon melalui Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, Majlis Kebudayaan Negeri Johor dan Perbadanan Islam Johor mengikut fokus jabatan terbabit.

Bakat Bola Sepak Muda

234. Saya yakin, pasti masih segar di ingatan kita semua akan kejayaan bersejarah pasukan JDT menjuarai piala AFC di Dushanbe, Tajikistan baru-baru ini. Tahniah diucapkan kepada Pasukan JDT. Bagi meneruskan momentum kejayaan tersebut, satu program pembangunan bola sepak belia akan dilaksanakan di peringkat akar umbi dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta. Ia akan dibiayai secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Johor sebanyak RM1.5 juta dan KPRJ sebanyak RM1 juta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

235. Bercakap tentang pendidikan dan kemahiran swadaya insan, pertadbiran saya percaya, selaku pemimpin, kita juga menggalas amanah membentuk masyarakat yang berminat untuk mendekati agama dan budaya mereka.

236. Lambat laun, kekayaan kita akan susut, pangkat dan kedudukan akan terpaksa kita dilepaskan, ilmu dan pencapaian kita akan diatasi, kebaikan kita akan dilupakan. Ini semua lumrah hidup. Namun, pegangan agama dan akar budaya tidak akan pernah boleh kita biar luntur, rapuh dan dilupakan.

237. Atas hakikat inilah, Kerajaan Negeri mengambil kesempatan untuk menyuburkan kehidupan beragama dan berbudaya sebagai Agenda Besar yang berikutnya di bawah Teras Keenam ini.

238. Sama ada di peringkat pendidikan awal, penerokaan ilmu di tahap yang lebih tinggi, pelaksanaan amalan ibadah yang lebih selesa, kajian dan penyelidikan khazanah agama yang lebih rancak sehinggalah kepada usaha menjernihkan persepsi songsang dan tanggapan negatif kepada agama, kita akan memastikan kehidupan beragama diberikan kebebasan dan perlindungan yang sewajarnya.

Transformasi Pendidikan Agama

239. Melalui pendekatan pendidikan agama misalnya, terdapat 5 inisiatif utama yang akan kita lakukan, iaitu:

- a. Pertama: Transformasi Sekolah Agama melalui Program Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Teknologi Digital (PPBTD) yang akan mengetengahkan pendekatan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) berasaskan teknologi maklumat. Sebagai permulaan, projek ini akan dimulakan dengan 2 buah sekolah rendah agama dan 2 buah sekolah menengah agama yang masing-masing akan melibatkan 155 orang pelajar dan 160 orang pelajar. Transformasi ini akan melibatkan peruntukan awal bagi 2016 sebanyak RM 5.5 juta,
- b. Kedua: Pembinaan 77 buah Sekolah Agama terbengkalai akan diambil alih oleh KPRJ. Pengambil alihan yang melibatkan 4 fasa ini akan disiapkan secara berperingkat menjelang 2017. Dengan peruntukan sebanyak RM168 juta, sasaran kita adalah untuk menyiapkan 40 buah sekolah terlebih dahulu menjelang Disember 2016. Manakala, baki 37 lagi disasarkan untuk disiapkan menjelang Jun 2017,
- c. Ketiga: Meneruskan pemberian sumbangan RM5 ribu kepada Badan Kebajikan di 564 Sekolah Agama Johor bagi tujuan menampung kos pengurusan dan pentadbiran sekolah yang akan melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM2.82 juta,

- d. Keempat: Memperuntukkan sebanyak RM 4 juta bagi tujuan penyelenggaraan Sekolah-sekolah Agama Gred A, iaitu yang mempunyai pelajar melebihi 1,100 orang; dan
- e. Kelima: Menaikkan elaun bulanan kepada RM1,312 dan meneruskan pemberian imbuhan tahunan kepada 1,850 guru KAFA di seluruh Johor. Malah, setiap kali Kerajaan mengumumkan pemberian bonus, golongan guru KAFA juga tidak terkecuali menerimanya.

Warisan dan Budaya

240. Biar mati anak, jangan mati adat. Dalam aspek seni dan budaya pula, Pentas Teater Karya Johor yang dimulakan pada tahun ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan pemberian peruntukan sebanyak RM180 ribu.

241. Melalui inisiatif ini, aktivitis seni disaran mengemukakan cadangan persembahan yang melibatkan persembahan pentas kepada sekretariat karya melalui Majlis Kebudayaan Negeri Johor untuk dinilai. Bagi karya yang diterima, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan dana dan sokongan teknikal bagi tujuan pelaksanaan dan pementasannya.

Festival Seni Muafakat Johor

242. Sebagai acara tahunan memartabatkan seni budaya warisan negeri Johor, Yayasan Warisan Johor akan mengadakan Festival Seni Muafakat Johor yang terdiri daripada pelbagai

aktiviti kebudayaan dan warisan seperti pertandingan kompang, zapin, tarian tradisi Cina dan tarian tradisi India. Dengan peruntukan sebanyak RM800 ribu, pelaksanaan festival seni ini akan dimulakan di peringkat DUN, daerah dan kemuncaknya dilaksanakan secara besar-besaran di peringkat negeri dengan sasaran penyertaan dari semua kaum.

243. Siapa tahu, melaluinya, suatu hari nanti kita berpeluang menganjurkan pula acara yang lebih besar seperti Festival Ghazal Sedunia. Atau terbitnya kerjasama-kerjasama yang lebih kreatif dan spesifik seperti penubuhan Orkestra Klasik Anak Johor dengan kerjasama Sekolah Seni Johor.

Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa

244. Saya juga ingin menyarankan agar Yayasan Warisan Johor mengambil inisiatif untuk menyediakan pelan halatuju (*roadmap*) dan kajian kesesuaian ke arah menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa.

PENUTUP

Yang Berhormat Tan Sri Speaker

245. Demikianlah perancangan pembangunan dan pengurusan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2016. Inilah Agenda Johor yang Inklusif, Lestari dan Sejahtera.

246. Agenda Johor pada tahun 2016 mendatang ini nyata lebih inovatif dan terancang.

247. Ini kerana, bagi mengelakkan kita sekadar meluluskan pelbagai projek pembangunan dan pembinaan kapasiti tanpa perancangan yang teliti dan strategik, kita kini mengambil langkah progresif dengan memeta terlebih dahulu pelbagai pelan induk yang khusus agar segala agenda pembangunan menjadi inklusif, lestari dan mensejahterakan semua Bangsa Johor.

248. Malah penggunaan instrumen baharu seperti waqf diharap dapat memberi nilai tambah yang memberangsangkan kepada kerancakan ekonomi dan ikhtiar kebajikan kita. Sekaligus menjadi katalis ke arah melonjakkan Johor sebagai ekonomi termaju negara.

249. Saya menyeru seluruh ahli Yang Berhormat serta warga Johor untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri menerima baik cadangan ini dan bersama-sama berusaha keras merealisasikannya.

250. Akhir sekali, dengan penuh rasa rendah diri, saya dengan ini mohon membentangkan Bajet 2016 dengan tema *Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor*. Semoga semua ini dipermudahkan dan mendapat keberkatan Allah S.W.T

Mohon mencadang.